

# 30 peratus majikan tidak iktiraf kesatuan sekerja

KUALA LUMPUR, Ahad - Lebih 30 peratus majikan di negara ini tidak mengiktiraf penubuhan kesatuan sekerja di syarikat masing-masing kerana takut kebebasan mereka disekat.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC), Senator Zainal Rampak, berkata angka itu termasuk majikan yang lambat memberi pengiktirafan kepada penubuhan kesatuan itu.

Dalam sesetengah kes pula, pengiktirafan penubuhan sesebuah kesatuan sekerja memakan masa sehingga dua tahun walaupun majoriti pekerja menjadi ahli serta mendapat kelulusan Jabatan Tenaga Rakyat dan Kementerian Sumber Manusia.

"Mereka takut untuk mengiktiraf kerana tidak lagi boleh bertindak sesuka hati terhadap pekerja, menganiaya pekerja dan

menjalankan undang-undang sendiri tanpa mengambil kira kepentingan pekerja dan peruntukan akta pekerja," katanya.

Zainal berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung pertama Kesatuan Pekerja-Pekerja Time Reach Sdn Bhd (K-Petir) di sini, hari ini.

Beliau berkata, lebih mengcewakan ialah ada majikan mem-

beri alasan tidak mengiktiraf penubuhan kesatuan sekerja kerana perkara itu belum dibawa kepada perbincangan lembaga pengarah syarikat.

Sementara itu, sempena Hari Buruh, esok, MTUC akan melancarkan siri menjelajah seluruh bandar utama bagi teraih sokongan pekerja berhubung isu tuntutan gaji minimum RM1,200 yang disarankan kongres itu.

Ia juga untuk memberi penerangan sejelas-jelasnya berhubung tuntutan itu yang masih tidak mendapat sokongan kebanyakan majikan di negara ini.

Zainal berkata, satu memorandum hasil kempen itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pelancaran kempen itu akan diadakan di Dewan Sivik, Petaling Jaya, esok.